

14 MAY 1997

Everest-Tempoh Akhir

DAKWAAN TEMPOH AKHIR TIDAK BERASAS, KATA KETUA PASUKAN EVEREST MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Ekspedisi Malaysia ke Gunung Everest tidak dipaksa untuk tiba di puncak gunung itu pada tempoh akhir 20 Mei ataupun pada mana-mana batas waktu yang lain, kata ketuanya Nor Ramlee Sulaiman hari ini.

Semasa bercakap menerusi perbualan telefon dengan Bernama dari kem pangkalan gunung tertinggi dunia itu, katanya dakwaan ketua ekspedisi New Zealand Guy Cotter bahawa pendaki Malaysia menerima arahan sedemikian dari Kuala Lumpur adalah tidak berasas sama sekali.

Katanya keputusan terakhir mengenai pendakian ke puncak gunung akan datang dari beliau sendiri sebagai ketua ekspedisi selepas mengambil kira pelbagai faktor terutama cuaca.

"Hanya kami yang mengetahui keadaan cuaca dan untuk menuduh pasukan Malaysia menerima arahan dari Kuala Lumpur supaya tiba di puncak gunung pada 20 Mei atau tarikh-tarikh lain bukan sahaja dakwaan tidak berasas malah satu pembohongan besar," katanya.

Nor Ramlee, seorang pegawai Lembaga Pelabuhan Klang, berkata anggota pasukan Malaysia mendengar dakwaan Cotter itu menerusi perbualannya dengan Perbadanan Penyiaran Britain (BBC) semasa mereka makan malam pada Isnin.

Perbualan itu kemudian dipetik oleh agensi berita Associated Press (AP) semalam yang menyebut Cotter sebagai berkata Malaysia membahayakan para pendakinya dengan mengarahkan mereka supaya tiba di puncak gunung menjelang 20 Mei.

"Berlaku banyak manipulasi dari Kuala Lumpur. Ketuanya di sini ditegur kerana membawa turun pendaki-pendakinya ke kem pangkalan. Terdapat kebimbangan terhadap para pendaki itu yang tidak mempunyai banyak pengalaman dan membuat pendakian hanya sebagai satu usaha menaikkan bendera," kata Cotter.

Dakwaan Cotter juga dinafikan semalam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berkata kerajaan tidak mendesak para pendaki negara tetapi hanya ingin mereka tiba di puncak gunung dengan selamat.

Nor Ramlee berkata seorang anggota pendaki Malaysia telah berhadapan dengan Cotter sehari kemudian untuk bertanya mengenai kenyataan itu tetapi Cotter hanya memberi jawapan yang bersifat mengelak.

Beliau berkata Cotter, seorang perunding dengan sebuah syarikat New Zealand yang membekalkan logistik pendakian gunung, lebih merupakan seorang peniaga daripada pendaki dan telah membuat kenyataan itu kerana ekspedisi Malaysia sebelum itu menolak tawarannya untuk menjadi pembekal kepada ekspedisi Malaysia.

"Beliau telah menawarkan perkhidmatan syarikatnya pada harga AS\$55,000 setiap pendaki dan dengan 12 pendaki akan membabitkan kos keseluruhan AS\$660,000. Jadi dia begitu kecewa kerana tidak mendapat sebarang urusan dengan kita dan sebab itu dia menyerang kita sedemikian," kata Nor Ramlee.

Sebaliknya ekspedisi Malaysia mengambil syarikat Nepal, Anna Purna Tracking and Mountaineering Pte Ltd yang antara lain menyediakan enam Sherpa yang veteran dalam pendakian gunung termasuk tiba di puncak dua kali tanpa bantuan gas oksigen.

Nor Ramlee berkata pasukan Malaysia membatalkan percubaan pertama pada 9 Mei kerana angin kencang selaju 100 km/j walaupun Jabatan Kaji cuaca India meramalkan cuaca baik pada hari itu.

Hanya empat pendaki akan mengambil bahagian dalam pendakian terakhir. Mereka ialah Mohd Fauzan Hassan, N. Mohandas, M. Magendran dan Gary Choong

Kin Wah yang membawa cabaran memacak bendera negara pertama kali di puncak gunung tertinggi dunia itu.

Angin kencang selaju 100km/j dijangka melanda Gunung Everest sehingga 20 Mei, menurut ramalan cuaca terbaru yang dikeluarkan jabatan itu di New Delhi yang diterima menerusi Satelit India.

Nor Ramlee berkata rancangan mereka seterusnya ialah cuba membuat pendakian ke puncak gunung pada tengah malam 20 Mei.

" Insyallah kami akan tiba di puncak Everest. Jika angin kencang melebihi 100km/j ketika itu, kita akan menunda kepada keesokan hari atau pada 24 Mei, hari terakhir percubaan seumpama itu boleh dilakukan. Selepas itu musim tengkujuh akan tiba dan ketika itu tidak ada sebarang pendakian dibenarkan selepas 1 Jun.

" Ini bermakna jika kita gagal menjelang 24 mei, jadi kita terpaksa menarik diri," katanya.

Nor Ramlee berkata walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan "serangan" oleh ketua ekspedisi New Zealand, moral para pendaki tetap tinggi untuk tiba di puncak gunung.

" Bagi Guy Cotter, kita tahu bagaimana hendak mengendalikannya nanti, tetapi biarlah kita tiba di puncak dahulu. Cotter datang bersama satu pasukan yang besar tetapi hanya dua sahaja yang tinggal sementara yang lain menarik diri, ia satu tamparan kepada kredibilitinya," katanya.

-- BERNAMA

AU AHH